



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 16 /2022**

**LAILATUL QADAR DICARI,  
KEAMPUNAN ALLAH DIPEROLEHI**

**20 Ramadan 1443 H**  
*Bersamaan*  
**22 April 2022**

DIKELUARKAN OLEH:  
**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ أَفْضَلَ اللَّيَالِي فِي الْعَامِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،  
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ

Sempena dengan masa yang masih berbaki dalam bulan Ramadan yang mulia ini, marilah sama-sama kita meningkatkan lagi ketaatan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan hidup kita sentiasa dilindungi dan dirahmati Allah. Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah:

### **LAILATUL QADAR DICARI, KEAMPUNAN ALLAH DIPEROLEHI**

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian.**

Lailatul Qadar merupakan satu malam yang paling mulia di sisi Allah yang berlaku pada bulan Ramadan, kerana itu ia dirahsiakan daripada pengetahuan hamba-Nya demi menggalakkan mereka untuk menghayati malam-malam bulan Ramadan secara menyeluruh, tanpa memilih malam-

malam yang tertentu. Ia juga merupakan malam penuh dengan keberkatan dari Allah s.w.t, malam yang paling istimewa buat umat Nabi Muhammad s.a.w. kerana segala ibadat yang dilakukan bertepatan dengan malam tersebut akan mendapat ganjaran lebih baik dari seribu bulan. Firman Allah dalam surah al Qadr ayat 3 hingga 5:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ نَزَّلْنَا الْمَلَائِكَةَ وَالرُّوحَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾

سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

**Maksudnya:** Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Allah mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!

Lailatul Qadar adalah suatu anugerah khas dari Allah S.W.T. Justeru rebutlah peluang untuk mendapatkan anugerah tersebut sebelum ia luput.

Dalam tafsir Ibnu Kathir diriwayatkan bahawa pada suatu hari Rasulullah S.A.W pernah menceritakan kepada para sahabat mengenai kisah empat orang dari kalangan bani Israil. Mereka ini beribadat kepada Allah s.w.t selama 80 tahun tidak pernah menderhakai Allah walaupun sedetik, maka para sahabat pun merasa takjub dengan perkara itu, lalu Jibril datang kepada Nabi memberi tahu bahawa umatmu takjub dengan ibadat mereka selama 80 tahun tanpa menderhakai Allah walaupun sedetik, sekarang ini Allah menurunkan ayat mengenai perkara yang lebih baik dari itu, maka Jibril pun membaca kepada Nabi:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ

أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

serta berkata: ini adalah lebih baik dari apa yang Engkau dan umatmu takjubkan itu.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian**

Walaupun tidak ada penentuan dari Allah dan juga dari Rasulullah mengenai bila berlakunya Lailatul Qadar, namun menurut pandangan yang termasyhur dari mazhab Syafie, Hambali dan satu pandangan dalam mazhab Maliki, ia berlaku pada sepuluh malam terakhir daripada bulan Ramadan. Ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayat daripada sayidatina Aisyah radiyallahu anha berkata: Rasulullah s.a.w bersabda:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوَتْرِ مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ

(رواه البخاري)

**Yang bermaksud:** Carilah Lailatul Qadar pada malam yang ganjil dari sepuluh malam terakhir bulan Ramadan.

(H.R. Bukhari)

Malah diriwayatkan bahawa setiap kali masuk sepuluh akhir Ramadan Rasulullah s.a.w bersungguh-sungguh melaksanakan Ibadat melebihi

masa-masa yang lain, sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah radiyallahu anha berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْتَهِدُ فِي رَمَضَانَ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ،  
وَفِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْهُ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

**Yang bermaksud:** Adalah Rasulullah s.a.w bersungguh-sungguh beribadat pada bulan Ramadan melebihi bulan-bulan yang lain dan Baginda bersungguh-sungguh pada sepuluh akhir Ramadan melebihi masa yang lain.

(H.R Muslim)

### **Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian.**

Hadis-hadis tersebut menunjukkan bahawa Lailatul Qadar biasanya berlaku pada sepuluh malam terakhir Ramadan, terutama sekali pada malam-malam ganjil. Justeru pada malam-malam tersebut Rasulullah s.a.w. melipatgandakan ibadatnya kepada Allah S.W.T.

Oleh itu bagi kita yang menjadi umat Baginda ini sepatutnya kita mencontohi perbuatan Baginda dengan meningkatkan amalan-amalan kita pada malam-malam terakhir Ramadan ini, mudah-mudahan dengan izin Allah amalan yang kita lakukan pada salah satu malam tersebut menepati dengan Lailatul Qadar, yang ganjarannya lebih baik dari 1000 bulan itu.

Di antara amalan-amalan yang dituntut dan dilipatgandakan untuk dilaksanakan pada malam-malam tersebut ialah:

**Pertama:** Solat sunat Tarawih dan qiamullail, iaitu menghidupkan malamnya dengan ibadah solat, membaca Al-Quran, zikir dan sebagainya. Sabda Rasulullah s.a.w :

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

(رواه البخاري ومسلم)

**Yang bermaksud:** "Sesiapa yang meghidupkan malam al-Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapakan pahala, akan diampunkan dosa-dosanya yang lalu.

(H.R. Bukhari dan Muslim)

**Kedua:** Membangunkan ahli keluarga untuk beribadat, seperti mana yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. Hadis yang diriwayat daripada saiyidatina Aisyah radiyallahu anha menyebut :

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ شَدَّ مِزْرَهُ،  
وَأَخْيَا لَيْلَهُ، وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ

(رواه البخاري)

**Yang bermaksud:** Adalah Nabi s.a.w apabila masuk pada sepuluh malam terakhir Ramadan Baginda mengikat kainnya (bersungguh-sungguh), menghidupkan malamnya dan membangunkan ahlinya.

(H.R. Bukhari)

**Ketiga:** Beriktikaf di dalam masjid disamping melakukan amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah seperti solat, zikir, membaca al-Quran dan sebagainya. Justeru setiap kali kita berada di dalam masjid, jangan lupa untuk niat beriktikaf supaya kita mendapat ganjaran pahala.

**Keempat:** Berdoa kepada Allah dengan meminta keampunan-Nya. Aishah pernah bertanya kepada Baginda Rasulullah: apakah yang perlu dikatakan pada malam Lailatul Qadar, maka Baginda menjawab: Katakanlah:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

**Yang bermaksud:** “Ya Allah sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, suka mengampunkan, maka ampunilah daku.

(H.R Imam Amad dan al Tirmizi).

**Kelima:** Bersedekah dengan keikhlasan kepada Allah. Ini kerana jika sedekah yang dilakukan itu bertepatan dengan malam Lailatul Qadar maka pahala amalan sedekah itu juga akan dilipat gandakan lebih baik dari seribu bulan.

## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ  
فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

**Yang bermaksud:** Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya.

(Surah al Baqarah ayat 261)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

### KHUTBAH KEDUA



الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ

السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ

زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَعُكَانُو. وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah , kami menadah tangan memohon restu ke hadratMu, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sentiasa berada dalam limpahan rahmat Allah, dalam ri'ayah, 'inayah, taufiq dan hidayah Allah, dikurniakan kesihatan dan keafiatan, kesejahteraan serta dipanjangkan usia pemerintahan Tuanku atas singgahsana kerajaan.

Kami juga memohon agar negeri Terengganu Darul Iman dan negara Malaysia tercinta terus berkekalan berada dalam keadaan keamanan, kedamaian, kestabilan dan kemakmuran di sepanjang masa dan zaman.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ  
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, jadikan puasa kami, puasa yang penuh keimanan dan keikhlasan. Kurniakanlah taufik-Mu agar kami memperolehi kebaikan Lailatul Qadr dan kesejahteraannya. Anugerahkanlah ketaqwaan kepada jiwa-jiwa kami. Sucikanlah jiwa ini, kerana sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik Yang menyucikannya dan Engkaulah jua sebaik-baik Penolong dan Pelindungnya.

Ya Allah, jadikanlah al-Quran sebagai penghidup hati kami, cahaya penerang dada kami, penyingkap kesedihan kami dan penghilang kerisauan kami. Bantulah kami untuk mengingati-Mu, mensyukuri akan nikmat-Mu dan menunaikan seelok-elok ibadat kepada-Mu.

Ya Allah, terimalah doa, solat, zakat, puasa dan segala ibadat kami. Sempurnakanlah segala kekurangan kami. Kurniakanlah keampunan taubat terhadap kesilapan kami. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Menerima taubat lagi Maha Pengasihani.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.